

12/04/2002

LHDN kutip RM20.8b daripada syarikat

KUTIPAN keseluruhan cukai pendapatan membabitkan syarikat meningkat hampir 50 peratus kepada RM20.8 bilion bagi tahun taksiran 2001 selepas Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melaksanakan Sistem Taksiran Sendiri (STS).

Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan 49.6 peratus daripada RM13.9 bilion bagi tahun taksiran 2000 yang ketika itu mengamalkan Sistem Taksiran Formal (STF).

"Kesan Sistem Taksiran Sendiri ke atas kutipan cukai pendapatan syarikat adalah menggalakkan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Senator Yew Teong Look di Dewan Negara, semalam.

Beliau berkata, STS akan mula dilaksanakan bagi pembayar cukai individu, perkongsian dan badan amanah bagi tahun taksiran 2004.

"Peringkat awal pelaksanaan STS menghadapi masalah apabila terdapat sebahagian pembayar cukai belum bersedia menerima kaedah baru sistem percukaian itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, bagi memastikan pembayar cukai mematuhi perubahan sistem percukaian, LHDN mengadakan kempen pembelajaran menyeluruh menerusi seminar, kursus serta bengkel percukaian.

LHDN juga menyediakan dan menerbitkan maklumat tambahan seperti risalah dan artikel percukaian, ketetapan umum dan garis panduan bagi memudahkan pembayar cukai.

Beliau berkata, LHDN yang menghadapi semasa proses peralihan daripada STF kepada sistem STS, mengambil langkah meningkatkan keupayaan sistem komputer dan mempergiatkan latihan prosedur kerja baru kepada pegawainya.

(END)